



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

1. Taraf Perkhidmatan : **TETAP**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
3. Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
4. Jawatan : **PENGAWAL KESELAMATAN**
5. Gred : **KP11**
6. Penempatan : **DBP IBU PEJABAT**
7. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : **Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengawal Keselamatan KP11 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.**
8. Syarat Lantikan :
 - (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan: RM1,205.00); **atau**
 - (b) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan: RM1,205.00); **dan**
 - (c) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran indeks jisim badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

9. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan dengan kelayakan di Perkara 8(a) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
10. Cara Memohon :
i. Pemohon yang memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah mendaftar dan memohon secara dalam talian melalui pautan rasmi **epengambilan.dbp.gov.my**
ii. Pemohon boleh merujuk manual pengguna yang disediakan bagi tujuan proses pendaftaran akaun dan permohonan jawatan.
iii. Sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi no. telefon atau e-mel yang berikut:

No. Telefon: 03-2147 9346/9331 (9.00 pagi hingga 4.30 petang)

E-mel: pengambilan@dbp.gov.my
11. Keterangan Am : Pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

SEGALA KEPUTUSAN DALAM URUSAN INI MUKTAMAD

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 14 OGOS 2022